

Defisit sukar dilupus keseluruhannya — PM

UM - 14/9/2004: 2 Perdana

PUTRAJAYA 13 Sept. — Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, kerajaan tidak mungkin boleh melupuskan defisit bajet secara keseluruhan menjelang tahun 2006 kerana langkah seumpamanya boleh menjejaskan pertumbuhan ekonomi negara.

“Saya tidak fikir bahawa kita akan boleh melakukannya (mencapai bajet berimbang pada tahun 2006). Defisit akan dikurangkan secara progresif dan berperingkat-peringkat,” kata Perdana Menteri.

Beliau yang juga Menteri Kewangan berkata demikian pada sidang akhbar khas pasca pembentangan Bajet 2005 di Kementerian Kewangan di sini, hari ini.

Pada pembentangan Bajet di Parlimen Jumaat lalu, Abdullah meng-

umumkan defisit fiskal negara yang kelapan berturut-turut.

Ditanya bilakah kerajaan jangka boleh mencapai keseimbangan tersebut, Perdana Menteri berkata, kerajaan tidak akan ‘tak-sub’ semata-mata untuk mencapainya.

“Kita tidak akan menurunkan secara drastik semata-mata kerana mahu mencapai sasaran tersebut. Ia mungkin mengakibatkan *contraction* (pegecutan) dalam ekonomi kita,” katanya.

Kerajaan menganggar defisit bajet akan turun ke paras 3.8 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) pada tahun depan, daripada paras 4.5 peratus yang dicatat tahun ini.

Beliau berkata, kerajaan akan

menjana dana menerusi sumber-sumber dalaman untuk membiayai defisit bajet negara bernilai RM17.7 bilion.

“Kami akan menggunakan sumber-sumber dalaman. Terdapat banyak kecairan dalaman,” ujarnya ketika ditanya sama ada kerajaan akan menerbitkan bono kedaulatan pada tahun depan.

Mengenai industri automotif yang tidak disentuhnya dalam pembentangan Bajet 2005, Abdullah berkata, kerajaan akan membuat pengumuman mengenainya menjelang akhir tahun ini.

“Dari sudut strategik, lebih baik untuk mengumumkan mengenai struktur cukai automotif pada akhir tahun ini,” kata beliau.

Mulai bulan Januari ini, perjanji-

an Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN (AFTA) akan dikuatkuasakan di negara-negara pengeluar automotif yang akan menyaksikan penurunan duti import menu-run antara sifar peratus hingga lima peratus.

Dalam usaha melindungi industri kereta nasional Proton dan Perodua, Malaysia masih menjadi perhatian negara-negara anggota ASEAN yang lain mengenai keputusan selanjutnya.

Ditanya mengenai kebenaran kepada syarikat broker saham antarabangsa beroperasi di Malaysia, Abdullah berkata, langkah itu akan menggalakkan lagi lebih banyak perniagaan dan pelaburan asing ke negara ini.



ABDULLAH Ahmad Badawi tersenyum mendengar soalan wartawan pada sidang media mengenai Bajet 2005 di Kementerian Kewangan di Putrajaya, semalam. Di sebelah beliau ialah Menteri Kewangan II, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop. — Gambar BERNAMA